

# Perkembangan Penulisan Kitab Fiqh Jawi: Suatu Pengenalan Terhadap Manuskrip Kitab *Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāḥ*

*The Writing Development of Jawi Fiqh Book: An Introduction to the Manuscript of the Book of Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāḥ*

Abdul Karim Pardon<sup>1</sup>, Mohd Anuar Mamat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, Bandar Baru Nilai, Malaysia;

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, USIM, Bandar Baru Nilai, Malaysia;

## Article progress

Accepted: 8 April 2020

Reviewed: 4 Jun 2020

Published: 30 November 2020

\*Corresponding author:

Abdul Karim Pardon, Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, USIM, Bandar Baru Nilai, Malaysia;

Email:

abdulkarimpardon88@gmail.com

**Abstrak:** Perkembangan keilmuan Islam di Alam Melayu telah berlaku dengan sangat pesat terutama pada kurun ke 18M. Hal ini telah membawa kepada lahirnya tokoh-tokoh ulama dan penulisan-penulisan ilmiah yang menjadi sandaran bagi masyarakat Melayu dalam mengamalkan agama Islam. Ini dapat dilihat dengan kewujudan sekitar 22,000 manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang ilmu. Justeru artikel ini akan mengetengahkan perbincangan tentang perkembangan penulisan kitab fiqh jawi serta pengenalan terhadap manuskrip kitab *Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāḥ* karangan Syeikh Muhammad Zain Acheh. Pemilihan manuskrip kitab ini sebagai fokus utama dalam kajian adalah bertujuan untuk merintis jalan bagi kajian-kajian terhadapnya yang akan datang. Ini berikutan kewujudan sejumlah manuskrip kitab ini di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang belum dikaji dan ditonjolkan kepada pengetahuan umum, sedangkan ketokohan dan sumbangsih pengarangnya adalah sangat besar. Kajian ini bersifat kualitatif deskriptif, melibatkan penelitian terhadap kajian-kajian dan penulisan-penulisan terdahulu berkenaan kitab fiqh jawi dan latar belakang pengarang kitab ini, selain melakukan tinjauan terhadap naskhah-naskhah manuskrip yang ada dalam simpanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Kajian awal mendapati bahawa kitab *Talkhīs al-Falāh* adalah penulisan yang dihasilkan pada kurun ke 18M, terkhusus dalam bab munakahat, bersandarkan mazhab Syafie, dan merupakan kesinambungan bagi penulisan-penulisan fiqh jawi yang sebelumnya. Oleh yang demikian, diharapkan melalui dapatan ini akan membuka asas pengenalan terhadap kitab ini dan kajian-kajian lanjutan akan dapat dilakukan terhadapnya sekaligus memulihara manfaatnya agar tidak luput ditelan masa.

Kata kunci: Kitab Fiqah Jawi; *Talkhīs al-Falāh*, Syeikh Muhammad Zain Acheh, Alam Melayu, Kajian Manuskrip.

**Abstract:** The development of Islamic scholarship in the Malay has occurred very rapidly, especially in the period to 18M. This has led to the emergence of leaders and scholarly writings that support the Malay community in practicing Islam. This can be seen by the existence of around 22,000 Malay manuscripts in various fields of study. Thus this article highlight the discussion on the development of the writing of the book of fiqh jawi as well as the introduction to the manuscript of the book *Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāḥ* by Sheikh Muhammad Zain Acheh. The selection of this manuscript as the main

focus of the study is intended to pave the way for future studies on it. This is due to the existence of several manuscripts at the National Center for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia (PNM) which have not been studied and are highlighted to the public, while the authors' stature and contribution are very large. This is a qualitative descriptive study, involving a study of researches and writings of previous relevant authors. It is found that the book *Talkhīṣ al-Falāḥ* is produced in the 18th century, specialized in the chapter of munakahat, based on the Syafie, and is a continuation of the previous writings of Jawi fiqh. Therefore, it is hoped that these findings will open the basis and further studies will be taken.

**Keywords:** Kitab Fiqah Jawi; Talkhis al-Falah, Sheikh Muhammad Zain Aceh, Malay, Manuscript Studies

## Pengenalan

Islam adalah merupakan suatu cara hidup lengkap yang mendahuluikan pemahaman dan penghayatan dalam mengaplikasikannya supaya seiring dengan perintah Allah SWT. Usaha memahamkan umat manusia dengan syariat Muhammadiyah ini telah bermula sejak zaman Baginda Nabi Muhammad SAW oleh Baginda sendiri, dan telah diteruskan oleh para sahabat dan golongan kaum Muslimin yang terkemudian. Usaha yang telah melalui pelbagai proses, fasa dan peringkat ini telah melahirkan tiga disiplin ilmu yang menjadi asas dalam mengamalkan agama ini, iaitu ilmu tauhid (ketuhanan), tasawuf (penyucian jiwa) dan fiqah (hukum hakam) (Abdul Aziz Ismail, t.th.).

Membicarakan berkenaan ilmu fiqh secara khusus, ianya merupakan suatu disiplin ilmu yang unik, berikutan sifatnya yang dinamik dan sesuai diamalkan oleh sekalian manusia tanpa mengambilkira perbezaan warna kulit, masa dan sempadan geografi. Ini berikutan sifatnya yang merupakan suatu pemahaman dan huraian yang terhasil dari interaksi ahli ijtihad dengan nas-nas syarak, lalu dipraktikkan sesuai dengan tuntutan realiti semasa bagi suatu tempat, zaman dan kemaslahatan manusia. Dalam masa yang sama sifat dinamik ini tidaklah suatu yang mutlak, sebaliknya ia diukur dengan kaedah-kaedah khusus tanpa menafikan asas-asas syarak yang bersifat '*'habat'*', yakni tetap dan tidak berubah. (Abdul Karim Zaidan, 2005).

Seiring dengan peredaran masa dan perkembangan keilmuan Islam, Manna' al-Qattan (1996) menjelaskan bahawa ilmu fiqh telah melalui lima fasa iaitu fasa pensyariatan, fasa formatif, fasa perkembangan dan pembentukan mazhab, fasa taqlid dan penutupan pintu ijtihad, serta fasa kesedaran dan gerakan pengisahan. Dari kelima-lima fasa ini, pembentukan tradisi keilmuan fiqh secara asasnya telah berlaku di fasa kedua, yang

dierangkan sebagai zaman selepas daripada pemerintahan *Khulafā' al-Rāsyidīn* sehingga zaman terbentuknya mazhab-mazhab fiqh, di mana pada ketika itu wujudnya dua aliran pemahaman iaitu *Madrasah al-Hijāz* dan *Madrasah al-'Irāq*. Tradisi ini terus berkembang sehingga terbentuknya mazhab-mazhab fiqh dan berlakunya proses-proses pembukuan dalam ilmu ini (Rahimin Affandi, 2016).

Rentetan daripada itu, Alam Melayu secara khususnya turut menerima kesan dan pengaruh kemajuan intelektual Islam ini secara langsung dengan kedatangan Islam pada abad ke 7-12 Masihi (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2011). Ini dapat dilihat dengan lahirnya tulisan jawi bagi menggantikan tulisan Pallava yang digunakan sebelumnya oleh masyarakat Melayu, memandangkan ianya tidak lagi sesuai untuk dijadikan medium penyebaran keilmuan Islam. Perkembangan tulisan ini sejajar dengan penyebaran Islam yang sangat pesat di Nusantara dan digunakan secara meluas samaada bagi tujuan rasmi seperti titah diraja, surat menyurat antara pedagang, serta penulisan dan penyalinan manuskrip-manuskrip dalam pelbagai bidang ilmu termasuk fiqh (Makmur Harun, 2016).

Dalam konteks penulisan manuskrip jawi di Alam Melayu, Wan Mohd Saghir Abdullah (2000) menyatakan bahawa karya pertama berjudul *Bahr al-Lahūt* telah dihasilkan seawal abad ke 12 Masihi. Meskipun demikian, penulisan-penulisan di peringkat awal hanya berkisarkan tentang ilmu tauhid, tasawuf, perubatan, sejarah dan lain-lain. Sedang penulisan kitab fiqh jawi bermula agak lewat iaitu pada abad ke 17 Masihi setelah lahirnya kitab *Al-Širāṭ al-Mustaqīm* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri (Jamalluddin Hashim, 2014). Hasanulddin Mohd (2018) pula menyatakan bahawa, secara umumnya kepelbagaiannya genre penulisan manuskrip di Alam Melayu ini dapat dilihat dengan

kewujudan sejumlah 2,489 manuskrip yang berada dalam simpanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, dengan 3,865 tajuk yang berbeza merangkumi pelbagai bidang keilmuan. 420 daripada tajuk-tajuk ini adalah berkaitan ilmu fiqah, yang sebahagian besarnya masih belum melalui proses kajian dan penelitian, termasuklah kitab *Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāh*.

Tuntasnya, kitab jawi telah memainkan peranan yang ulung dalam melonjakkan paradigma keilmuan masyarakat di Alam Melayu. Ini terbukti apabila ianya digunakan secara meluas dalam penyampaian ilmu secara *talaqqi* (pertemuan guru dan murid secara bersemuka), yang menjadi wasilah utama dalam usaha menyalurkan ilmu-ilmu Islam yang berpusat di Timur Tengah ke rantau ini sejak awal kedatangan Islam (Syed Salim Syed Shamsuddin, 2018). Justeru artikel ini akan melihat bagaimana perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu khususnya dalam bidang fiqah telah berlaku ratusan tahun dahulu, selain memperkenalkan manuskrip kitab *Talkhīs al-Falāh fī Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāh*.

## Sejarah Ringkas Perkembangan Penulisan Kitab Fiqah Jawi

Sepertimana kedatangan Islam telah memacu ketamadunan masyarakat Arab dari segenap aspek termasuk pembangunan rohani dan fizikal, hal yang sama telah berlaku kepada masyarakat Alam Melayu. Masyarakat ini yang pada asalnya mundur dan tidak mementingkan ilmu pengetahuan telah berubah maju sehingga menjadi masyarakat yang berbudayaikan ilmu dan iman yang kukuh (Makmur Harun, 2016; Zakaria Stapa, 2012). Hal ini terbukti apabila berlakunya penjajahan Barat terhadap Alam Melayu selama ratusan tahun, namun ianya tidak berjaya mengubah akidah dan amalan masyarakat Melayu yang berteraskan Islam secara total.

Dalam mengamalkan ajaran Islam, Alyasak Berhan (t.th.) menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada awalnya tidak mempunyai rujukan kitab fiqah berbahasa Melayu yang khusus, sebaliknya amalan mereka hanya berpandukan ajaran yang disampaikan oleh golongan ulama dan mubaligh. Dalam tempoh ini, penulisan-penulisan yang ada hanyalah dalam bentuk manuskrip berbahasa Arab yang dibawa dari Timur Tengah. Disebabkan itu, sebarang bentuk urusan-urusan yang melibatkan hukum hakam seperti pernikahan misalnya, akan diketuai oleh golongan agamawan yang memahami selok belok agama.

Hal ini berlanjutan sehingga abad ke 17 Masihi seperti yang dinyatakan di atas, apabila terbitnya kitab fiqah jawi yang pertama berjudul *Al-Sirāt al-Mustaqīm* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri, seorang tokoh

ulama yang berasal dari India. Meskipun demikian, penulisan-penulisan fiqah jawi yang dihasilkan pada abad ke 17 dan 18 Masihi belum lagi lengkap susunan bab dan perbahasannya. Sebaliknya karangan-karangan pada ketika itu cakupannya terhad hanya pada bab-bab tertentu dalam ilmu fiqah (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2010). Ini dapat dilihat dari kitab-kitab muktabar yang dikarang dalam period ini seperti berikut:

1. *Al-Sirāt al-Mustaqīm* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri (1644 M): Terhad pada bab ibadat.
2. *Mir'āt al-Tullāb fī Tashīl Ma'rīfah Ahkām al-Syar'iyyah li al-Malik al-Wahhāb* karangan Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri (1672 M) : Terhad pada bab Muamalat, Munakahat dan Jinayat.
3. *Safīnah al-Hukkām fī Talkhīs al-Khiṣām* karangan Syeikh Faqih Jalaluddin al-Āsyi (1740 M): Terhad pada bab Muamalat, Munakahat dan Jinayat.

Namun jika diteliti, kitab-kitab ini sekalipun setiap satunya tidak lengkap, akan tetapi jika disekalikan maka keempat-empat bab perbahasan fiqah akan diperoleh. Dengan kata lain, sekalipun dalam period ini belum lagi wujud karangan fiqah jawi yang lengkap, namun masyarakat Melayu telah pun mempunyai rujukan fiqah berbahasa Melayu yang lengkap pada pertengahan abad ke 17 Masihi. Ini berikutan terhasilnya kitab *Mir'āt al-Tullāb* yang melengkapkan kitab *Al-Sirāt al-Mustaqīm* hanya selepas 28 tahun selesainya penulisan kitab tersebut. Begitu juga dengan kitab *Safīnah al-Hukkām* yang dilihat berperanan seperti *Mir'āt al-Tullāb* dalam melengkapkan kitab *Al-Sirāt al-Mustaqīm*. Barangkali Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri dan Syeikh Faqih Jalaluddin al-Āsyi tidak melihat wujudnya tuntutan yang kuat untuk mengarang dalam bab ibadat, berikutan bab tersebut telah dibahaskan dengan panjang lebar oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri. Ini dapat dilihat melalui kandungan kitab *Al-Sirāt al-Mustaqīm* yang mengandungi 7 kitab (bahagian), 21 bab dan 90 fasal berkaitan bab ibadat semata-mata.

Perkembangan terus berlaku dalam penulisan kitab fiqah jawi di Alam Melayu, yang akhirnya membawa kepada lahirnya kitab fiqah yang lengkap (mengandungi empat bab *fīqhīyah*) pada awal abad ke 19 Masihi. Ini adalah hasil sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, yang telah menyelesaikan karangan beliau berjudul *Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim* pada tahun 1828 Masihi. Tiga belas tahun kemudiannya, Beliau yang juga merupakan tokoh ulama Alam Melayu terulung, telah menyiapkan sebuah lagi penulisan fiqah yang lengkap, berjudul *Furu' al-Masā'il* pada 1841 Masihi. Berbeza dengan *Hidāyah al-Muta'allim*, karya ini berbentuk soal jawab yang merangkumi permasalahan-permasalahan *furu'* (cabang) dalam mazhab Syafie. Seterusnya pada penghujung abad ke 19 Masihi, terbit

sebuah lagi kitab fiqah jawi lengkap yang muktabar, berjudul *Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-’Anām*, karangan Syeikh Muhammad Zain bin Muhammad al-Fatani pada tahun 1889 Masihi (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2000).

Menyusuli kitab *Kasyf al-Lithām*, hadir pula kitab *al-Bahjah al-Mubtadīn* (1893 Masihi) karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, diikuti kitab *‘Unwān al-Falāh* yang selesai ditulis pada tahun 1902 Masihi oleh pengarang yang sama. Manakala kitab fiqah jawi lengkap yang terakhir, telah dikarang oleh Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani, berjudul *Kifāyah al-Muhtadī* (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2000). Kitab ini tidak dinyatakan tahun ianya selesai dikarang secara spesifik, namun ianya dianggap paling terkemudian kerana mengambil kira pengarangnya adalah merupakan anak kepada cucu saudara bagi Syeikh Daud al-Fatani (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2002). Kitab terakhir ini berupa karangan yang berbentuk syarah, ditulis bagi menghuraikan kitab *Sullam al-Mubtadī* karangan Syeikh Daud al-Fatani yang ditulis pada tahun 1836 Masihi.

Dalam menyoroti perkembangan penulisan kitab fiqah jawi secara ringkas ini, dapat disimpulkan bahawa perkembangan intelektual di Alam Melayu khususnya dalam bidang keilmuan fiqah telah berlaku dengan sangat pesat sekitar abad ke 17-19 Masihi. Bermula dengan penulisan-penulisan perintis yang hanya terkhusus dalam bab-bab fiqah tertentu, masyarakat Alam Melayu akhirnya dihidangkan dengan karya-karya fiqah yang lengkap. Meskipun demikian, menarik untuk diperhatikan bahawa penulisan-penulisan fiqah abad ke 17 dan 18 Masihi sekalipun belum lengkap dari sudut cakupan bab-babnya, namun setiap bab yang dibahaskan akan diurai dengan sangat terperinci sehingga turut mencapai perkara-perkara yang berbentuk ijtihami. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya elemen-elemen tempatan dalam karya *Al-Širāt al-Mustaqīm* (Jamalluddin Hashim. 2014). Dengan kata lain, karya-karya awal ini dari sudut perbahasannya telahpun mencapai tahap yang sangat tinggi sepertimana dijelaskan oleh Syed Ali Tawfik al-Attas (2018).

Syeikh Daud al-Fatani selaku pelopor dalam menghasilkan penulisan fiqah yang lengkap, sesungguhnya telah meneruskan usaha ulama-ulama Alam Melayu terdahulu. Ketokohan dan keilmuan beliau adalah suatu yang tidak dapat disangkal lagi. Begitu banyak kajian dan penulisan berkenaan latarbelakang, pemikiran dan karya-karya beliau telah dilakukan. Namun disebalik itu, agak jarang diketengahkan berkenaan seorang tokoh ulama yang merupakan guru beliau ketika menuntut ilmu di Aceh, iaitu Syeikh Muhammad Zain al-Āsyi (Nawi Mamat, 2002) dan karangannya yang berjudul *Talkhīṣ al-Falāh fī Bayān ’ahkām al-Talāq wa al-Nikāh*.

## Pengenalan Manuskrip Kitab *Talkhīṣ Al-Falāh Fī Bayān ’ahkām Al-Talāq Wa Al-Nikāh* (Mss2308 (A))

Kitab *Talkhīṣ al-Falāh fī Bayān ’Ahkām al-Talāq wa al-Nikāh* yang ingin diketengahkan oleh penulis di sini adalah merupakan suatu karangan bertulisan jawi yang mengkhususkan perbincangan satu bab dalam ilmu fiqah, iaitu hukum-hakam berkaitan munakahat. Karya ini adalah hasil penulisan Syeikh Muhammad Zain al-Āsyi, seorang tokoh ulama yang masyhur di negeri Aceh pada abad ke 18 Masihi. Beliau adalah seorang qadhi yang merupakan jawatan kedua tertinggi di Aceh selepas Sultan, selain guru yang banyak melahirkan generasi ulama pelapis seperti Syeikh Daud al-Fatani (Syahwaluddin, Noordin Abdullah Dagonha. 2017).

Dilahirkan dari keturunan para ulama, Syeikh Muhammad Zain adalah merupakan anak kepada Syeikh Faqih Jalaluddin, cucu kepada Syeikh Kamaluddin dan cicit kepada Qadhi Baginda Khatib at-Tarun Pasir. Kesemua mereka ini adalah merupakan tokoh yang sangat berpengaruh di Aceh pada zaman mereka (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2007). Meskipun demikian, penulis mendapati bahawa kebanyakan penyelidik belum menemui tarikh kelahiran dan kewafatan beliau secara spesifik. Maklumat terhampir yang diperoleh adalah apa yang dinyatakan oleh Nurman Kholis (2015), bahawa kewafatan beliau adalah sekitar tahun 1770 Masihi, tanpa menyebutkan tarikh kelahirannya.

Syeikh Muhammad Zain menerima pendidikan awal dari bapanya sendiri, serta ulama Aceh yang lain seperti Baba Daud bin Ismail al-Jawi bin Agha Mustafa al-Rumi, yang merupakan murid kepercayaan bagi Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri (Wan Mohd Saghir Abdullah, 1999). Beliau selanjutnya meneruskan pengajian di Mekah, di mana beliau berkesempatan berguru dengan para ulama seperti Syeikh Abdul Ghani bin al-Alim Muhammad Hilal, Syeikh Ahmad al-Farisi, Syeikh Ahmad Durrah al-Misri dan lain-lain lagi (Wan Mohd Saghir Abdullah, 1999). Selesai pengajian di Mekah, beliau sempat menjadi tenaga pengajar di Masjid al-Haram sebelum pulang ke Aceh dan meneruskan usaha mendidik dan mengajar masyarakat. Sumbangan beliau dalam membentuk generasi ulama amat ketara dengan lahirnya dari kalangan para murid beliau tokoh-tokoh seperti Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Muslich Shabir, 2009), Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2008) dan ramai lagi. Hal yang sedemikian menjadikan karya-karya beliau terutamanya kitab *Talkhīṣ al-Falāh* ini mempunyai pengaruhnya yang tersendiri.

Pengaruh kitab ini dapat dilihat dengan kewujudan sejumlah manuskrip yang masih tersimpan di dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu,

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Selain itu, karya ini turut tersimpan di Perpustakaan British dalam bentuk imej digital. Dalam penelitian penulis, karya ini hanya pernah dicetak oleh dua penerbit iaitu *al-Halabiy* (tahun 1925) dan *Dar al-Taba'ah al-Misriyyah* (Tanpa dinyatakan tahun cetakan). Walaubagaimanapun, kedua-dua penerbit ini tidak mengeluarkan cetakan kitab ini secara khusus, sebaliknya ia dicetak beserta dengan kitab-kitab lain dan diberikan judul *Jam'u Jawāmi' al-Muṣannafāt*, iaitu sebuah himpunan karya yang ditulis oleh ulama Aceh.

Melihat kepada naskhah-naskhah kitab ini yang disimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, terdapat 16 naskhah yang boleh diperolehi. Enam daripadanya tidak lengkap, dan selebihnya boleh dikategorikan sebagai lengkap. Semua naskhah ini dijedulkan dengan tajuk yang sama, iaitu *Talkhīṣ al-Falāḥ fi Bayān Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāh*. Nombor-nombor manuskrip adalah seperti berikut: MSS2308 (A), MSS1048 (B), MSS1518, MSS1692, MSS1914, MSS2066 (C), MSS2086 (C), MSS2537 (C), MSS2707 (A), MSS2824 (B), MSS3532, MSS3816, MSS3819 (A), MSS3839, MSS4098, MSS4486. Senarai naskhah-naskhah yang lengkap dan tidak lengkap boleh dilihat dalam jadual 1.

**Jadual 1** Senarai Naskhah-naskhah Yang Lengkap dan Tidak Lengkap

Bil	Naskhah Lengkap	Naskhah Tidak Lengkap
1.	MSS2308	MSS1518
2.	MSS1048	MSS2707
3.	MSS1692	MSS3532
4.	MSS1914	MSS3816
5.	MSS2066	MSS3819
6.	MSS2086	MSS4486
7.	MSS2537	
8.	MSS2824	
9.	MSS3839	
10.	MSS4098	

Namun dalam kertas ini, penulis hanya akan memfokuskan kajian terhadap manuskrip bernombor MSS2308, kerana mengambilkira keadaan fizikalnya yang baik, selain isi kandungan yang lengkap serta tulisan yang masih jelas dan mudah dibaca.

Dari sudut fizikal, naskhah MSS2308 terdiri daripada 6 kuras (sehelai kertas cetak yang dilipat menjadi beberapa helai halaman buku) yang tidak berjahit, setiap satunya mewakili kitab-kitab yang berbeza. Naskhah *Talkhīṣ al-Falāḥ* berada di kedudukan pertama dan diberikan tanda (A), menjadikan nombor manuskrip naskhah ini MSS2308 (A). Naskhah tanpa kulit jilid ini

berada dalam satu kuras tidak berjahit, dengan ketebalan 10 + 1r folio yang bersaiz 21.4 x 17 cm. Ianya ditulis di atas kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan, dengan dakwat yang agak mengembang di setiap mukasurat kesan peninggalan lama, namun masih dalam keadaan yang baik dan boleh dibaca. Tera air dapat dikesan pada kertas yang digunakan berupa dua huruf roman "IA". Isi kandungan kitab hanya bermula di folio 2v, manakala folio 1 dan 2r kosong tanpa sebarang tulisan.

Dakwat tulisan yang digunakan adalah berwarna hitam, dengan rubrikasi berwarna merah pada kalimah-kalimah dan ayat-ayat berbahasa Arab. Selain itu terdapat juga rubrikasi merah pada sebahagian kalimah bahasa Melayu yang menunjukkan permulaan ayat, fasal dan pernyataan hukum syarak. Dalam manuskrip ini, tidak tercatit tanda penyuaraan ayat bahasa Arab, akan tetapi catatan kata penarik wujud secara konsisten di bahagian bawah sebelah kiri halaman verso. Tanpa tanda kolasi, manuskrip ini juga bersih dari sebarang glos dan catatan sampingan di kesemua lembarannya.

Dari sudut kandungan pula, naskhah MSS2308 ini terdiri dari enam teks manuskrip yang berbeza seperti berikut:

(F) *Talkhīṣ al-Falāḥ fi Bayān 'Aḥkām al-Talāq wa al-Nikāh* karangan syeikh Muhammad Zain al-Āsyi. [ff. 1v.10r]. Naskhah ini membicarakan hukum nikah dan talak serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya di dalam 5 fasal.

(B) *Luqṭat al-'Ajlān fi Bayān al-Haiḍ wa al-Istihāḍah wa al-Nifās al-Niswān* karangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. [ff.10v.23v.]. Karya ini memperkatakan mengenai haidh, istihadah dan nifas secara terperinci di dalam 15 fasal.

(C) Risalah Mengenai I'tiqād. [ff.23v.-28r]. Risalah ini membicarakan perbezaan i'tiqād antara Ahli Sunnah wa al-Jamaah, Qadariah dan Jabariah.

(D) Risalah Mengenai Hukum Syarak [ff.28v.-35v.]. Risalah ini menyatakan tentang makna hukum syarak serta hukum orang yang melanggarnya sama ada di dalam i'tiqād, hukuman atau amalan.

(E) Amalan Syeikh Muhammad Samman [ff.35v.-39v.]. Penulisan ini menerangkan berkenaan amalan Syeikh Muhammad al-Samman. Antara lain mengenai malam-malam pada bulan-bulan yang tertentu yang paling baik untuk melakukan amal ibadat seperti sembahyang, kenduri, dan membaca doa tolak bala. Risalah ini diakhiri dengan beberapa catatan antaranya mengenai pahala orang yang berpuasa, doa dan balasan Allah kepada mereka yang mengabaikan gurunya.

(F) Kitab Fiqah [ff.40r.-45v.]. Kitab ini membincarkan ilmu fiqah. Antara lain mengenai faedah dan rukun puasa, mandi junub, kaifiyat muqaranah takbiratul ihram dan sedekah pada hari Jumaat.

Hasil pengamatan penulis mendapati bahawa kesemua teks-teks ini disalin oleh individu yang sama berikutnya gaya tulisan, bilangan baris dan rubrikasi dalam setiap halaman wujud secara konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa naskhah kitab *Talkhis al-Falah* MSS 2308 (A) bukanlah tulisan asal Syeikh Muhammad Zain, sebaliknya ia adalah naskhah salinan. Sehingga makalah ini ditulis, tarikh sebenar penghasilan karya ini masih dalam penelitian. Meskipun terdapat catatan yang jelas tarikh tamat kitab ini iaitu pada hari isnin bersamaan 6 Januari 1806, seperti dinyatakan pada kolofon, namun pernyataan tersebut masih mengandungi kebarangkalian bahawa ianya merujuk kepada tarikh tamat salinan semata-mata. Berikut adalah catatan pada kolofon (MSS2308(A)):

دان تمت كتاب اين فد هاري اثنين فد وقت عصر فد بولن شوال لم بلس  
هاريث فد هجرة صلي الله عليه وسلم سریب دو رانس دو فوله  
*Dan tamat kitab ini pada hari Isnin waktu Asar pada bulan Syawal lima belas hari nya pada hijrah sallallahu 'alaihi wa sallam seribu dua ratus dua puluh*

Dari sudut pengarangan kitab ini pula, pengarang asalnya dapat dikenalpasti melalui pernyataan dalam pendahuluan kitab yang menyebut:

وبعد فيقول الفقير الحقير إلى الله الغني محمد زين ابن الفقيه جلال الدين الشافعي عفي الله عنه وعن والديه قد سالني بعض الأصدقاء وفقيه الله للصواب ان اترجم مسائل النكاح والطلاق وما يتعلق بهما وسميته تلخيص الفلاح في بيان احكام الطلاق والنكاح.....

*Wa ba 'du fa yaqūlu al-saqīru al-haqīru 'ila Allāhi al-ghaniy Muhammād Zain 'ibnu al-Faqīh Jalāluddīn al-Āsyī al-Syāfi'i 'afā Allāhu 'anhu wa 'an wālidaihi qad sa' alani ba 'du al-aṣdiqā'i waffaqahu Allāhu li al-ṣawab 'an 'utarjima masā'ilā al-nikāh wa al-talāq wa mā yata 'allaqu bihimā wa sammaitu hu talkhīs al-falāh fi bayāni 'ahkām al-talāq wa al-nikāh.....*

Terjemahannya: "wa ba 'du, maka berkatalah si faqir lagi hina (di hadapan) tuhannya yang maha kaya, (iaitu) Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin al-Āsyī al-Syāfi'i, - semoga Allah mengampunkan segala dosdosnya serta kedua ibu bapanya - sesungguhnya sebahagian teman-temanku - mudah-mudahan Allah mengurniakan mereka petunjuk bagi jalan kebenaran - telah meminta daripadaku agar aku menterjemahkan permasalahan-permasalahan nikah dan talak, serta hukum hakam yang bersangkut paut dengan keduaduanya. (Maka aku tunaikan permintaan mereka itu) dan aku namakan (karanganku ini dengan) *Talkhīs al-Falāh fi Bayān 'Ahkām al-Talāq wa al-Nikāh*"

Difahami dengan jelas daripada kenyataan ini bahawa pengarang kitab *Talkhīs al-Falāh* ini adalah merupakan Syeikh Muhammad Zain bin Syeikh Faqih Jalaluddin yang merupakan orang Aceh. Selain itu, karangan ini juga adalah merupakan terjemahan yang diolah dari beberapa buah kitab fiqah yang muktabar seperti *Tuhfah al-Muhtāj* karangan imam Ibnu Hajar, *Nihayah al-Muhtāj* karangan imam Ramli dan *Raudah al-Tālibīn* karangan imam Nawawi, yang telah diringkaskan. Ini dapat diketahui melalui kenyataan-kenyataan pengarang yang secara langsung merujuk kepada kitab-kitab berkenaan di beberapa tempat di dalam kitab ini.

## Perbincangan Hukum Munakahat Dalam Kitab *Talkhīs Al-Falāh*

Secara umumnya perbincangan dalam kitab ini berkisarkan tentang hukum-hakam yang asas dalam bab Munakahat. Ini berikutnya penjelasan hukum bagi setiap permasalahan dinyatakan tanpa huraiyan yang panjang lebar, sebaliknya dimuatkan di dalam karya ini perkara-perkara yang bersifat fardhu ain, yang wajib diketahui bagi setiap individu beragama Islam yang ingin atau sudah melangkah ke alam perkahwinan. Kitab ini dimulakan dengan pendahuluan (mukaddimah), disusuli dengan lima fasal berkaitan hukum munakahat dan disudahi dengan penutup (khatimah).

Penulis memulakan kitab dengan pendahuluan yang mengandungi pujian kepada Allah SWT, berselawat ke atas junjungan nabi Muhammad SAW, bersaksi dengan dua kalimah syahadah serta menzahirkan diri beliau sebagai penulis dan asbab yang memanggil beliau untuk menghasilkan karya ini. Beliau seterusnya menyatakan judul bagi karya ini dan mendoakan dirinya, kedua ibu bapanya dan para pembaca kitab ini agar diberikan keampunan, dipelihara dari gangguan syaitan serta beroleh manfaat dari hasil penulisan beliau ini.

Fasal pertama pada menyatakan hukum nikah dan segala bahagiannya: Dalam fasal ini, pengarang menghuraikan tentang hukum bernikah, di mana ianya boleh berlaku dalam keadaan wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Selain itu, dinyatakan pula cara-cara memilih calon isteri, sifat-sifat yang seharusnya dititikberatkan dalam soal pemilihan jodoh serta hukum melihat wanita yang ingin dinikahi. Pengarang seterusnya membincangkan tentang hukum lelaki melihat wanita serta batas-batasnya, dan hukum wanita melihat kaum lelaki serta batas-batasnya. Perbincangan dalam fasal ini dilanjutkan dengan perbahasan mengenai bahagian nikah yang dipecahkan kepada tiga jenis, iaitu nikah yang batal, nikah yang makruh dan nikah yang sunat beserta huraiannya.

Fasal kedua pada menyatakan wali nikah, saksi dan sighah: Dalam fasal ini, pengarang memulakan

perbincangan berkenaan wali nikah dan syarat-syaratnya. Menarik untuk diperhatikan dalam hal ini, permasalahan yang dibawakan oleh pengarang berkenaan wali yang fasiq, dan perbezaan pendapat ulama mazhab syafie dalam hal ini. Pengarang seterusnya mengharmonikan antara pendapat-pendapat ini dengan menjelaskan keadaan yang mengharuskan untuk kita beramal dengan pendapat yang dhaif dalam mazhab. Seterusnya perbincangan dilanjutkan dengan masalah tartib dan susunan wali, diikuti pula dengan masalah kufu. Mengiringi perbahasan-perbahasan ini ialah pernyataan tentang dua belas syarat menjadi saksi nikah dan tatacara ijab dan qabul (sighah) dalam aqad nikah.

Fasal ketiga pada menyatakan *talāq* dan *khulu'*: Dalam fasal ketiga ini, pengarang membahaskan tentang talak *ṣariḥ* dan *kināyah*, diikuti dengan penjelasan bagi beberapa cabang masalah fiqh berkenaan hal tersebut. Seterusnya diterangkan pula tiga jenis *talāq* iaitu *sunni*, *bid'i* dan yang lain dari kedua-duanya itu, beserta keadaan-keadaannya. Di akhir fasal ini dinyatakan tentang masalah *khulu'* secara ringkas.

Fasal keempat pada menyatakan *ruju'*: Dalam fasal keempat ini pula, pengarang berbicara tentang permasalahan *ruju'* dengan membahaskan tentang lima jenis lafaz yang diambil kira sebagai lafaz *ruju'* yang ḥarīq, perkara-perkara yang tidak disyaratkan dalam *ruju'*, serta syarat-syarat *ruju'* yang enam.

Fasal kelima pada menyatakan *'iddah*: Fasal kelima dan yang terakhir dalam kitab ini, digunakan oleh pengarang untuk membicarakan tentang hukum berkaitan *'iddah* secara ringkas. Beliau menjelaskan tentang jenis-jenis *'iddah* dan tempoh-tempohnya. Walaubagaimanapun, tidak disentuh dalam fasal ini berkaitan perkara-perkara yang dituntut dalam tempoh *'iddah* samaada bagi pihak suami maupun isteri, serta kewajipan *iħdad* bagi wanita yang berada dalam *'iddah* kematian suami.

Khatimah (penutup): Sebagai penutup perbincangan, pengarang membawakan sebahagian perkara-perkara yang disunatkan dalam perkahwinan, doa-doa, serta adab yang sayugia dipraktikkan dalam hubungan suami isteri. Terakhir, pengarang mendoakan agar dirinya dan para pembaca dikurniakan *taufiq* oleh Allah untuk melakukan amalan-amalan yang soleh.

Menarik untuk diperhatikan, cakupan perbahasan yang diketengahkan dalam fasal-fasal bagi karya ini agak berbeza. Pengarang lebih cenderung untuk membahaskan dengan agak teliti permasalahan-permasalahan dalam fasal pertama, kedua dan ketiga. Dalam masa yang sama, beliau meringkaskan perbahasan dalam fasal keempat dan kelima. Ini diperpercaya bertujuan untuk meraikan maslahat dan keperluan pihak yang meminta pengarang untuk menulis kitab ini, dan supaya karya ini sesuai untuk

tatapan kebanyakan masyarakat awam. Selain itu, dapat diperhatikan bahawa pengarang menggunakan kaedah penulisan yang ringkas (dalam bentuk matan), bagi tujuan memudahkan golongan awam untuk mengingati perkara-perkara asas berkaitan munakahat.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa penulisan ilmu fiqh di Alam Melayu pernah melalui suatu tempoh yang sangat gemilang. Usaha dan kegigihan para ulama terdahulu dalam membangunkan keilmuan fiqh masyarakat Melayu melalui penulisan adalah suatu sumbangan yang tidak ternilai. Penulisan kitab *Talkhiṣ al-Falāḥ* adalah merupakan suatu contoh jelas di mana ia merupakan karya yang mengkhususkan pengetahuan fardhu ‘ain berkenaan munakahat, terhasil hanya dengan permintaan beberapa orang rakan beliau. Keistimewaan karya ini dapat dilihat dari beberapa sudut; merangkumi gaya penulisan yang ringkas dan jelas, serta perbincangan yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat awam Alam Melayu. Selain itu, penulisan-penulisan fiqh terdahulu khususnya kitab *Talkhiṣ al-Falāḥ* ini juga dilihat berpaksikan kepada manhaj yang jelas di mana hanya kitab-kitab muktabar sahaja yang menjadi rujukan, selain pegangan yang jelas dalam mazhab Syafie tanpa sebarang unsur campur aduk yang mengelirukan. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu keperluan untuk asas-asas ini dikaji dan dikembalikan semula agar keilmuan ini dapat dijaga dan dipulihara.

## Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. (t.t). *Risālah al-Miṣbāh al-Munīr fi Ma'rifah al-Qadīr*. Fatani: Matba'ah Bin Halabiy.
- Abdul Karim Zaidan. (2005). *Al-Madkhal li Dirāsah al-Syārī'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah al-Nasyirun.
- Al-Attas, Syed Ali Tawfiq. (2018). *A New Narrative for Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.FM.
- Affandi Abdul Rahim, Siti Maimunah Kahal, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh. (2016). Fiqh Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah. *Jurnal Fiqh*, (13), 139-162.
- Alyasak Berhan. (t.t). *Pentahqiqan Bab Munakahat (Sistem Perkahwinan) Mir'at al-Tullab*. Karya Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. *Proposal Master*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Jamalluddin Hashim, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Syed Mohd Hafiz Syed Omar. (2018). The Malay Fiqh Manuscripts at the National Centre for Malay Manuscripts: A Pilot Survey. *International*

- Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, (8), 685-696.
- Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali, Hasanulddin Mohd. (2014). Analisis pengaruh Unsur Fiqh Tempatan Dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, (7).
- Makmur Harun, Firman, Muhammad Yafri Yahya. (2016). *Jawi Dan Kajian Manusrip Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Manna' Khalil al-Qattan. (1996). *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmiy*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyri wa al-Tauzi'.
- Muhammad Mustaqim. (2011). Satu Milenium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio-Sejarah. *Konvensyen Wasatiyyah Sempena 1 Milenium Islam di Nusantara*. Putrajaya, 9-11 Jun.
- Muslich Shabir. (2009). Pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari Tentang Zakat Dalam Kitab Sabil Al-Muhtadin: Analisis Intertekstual. *Jurnal Analisa*, XVI(1), 5.
- Nawi bin Mamat. (2002). Tahqiq Kitab Ghayat al-Maram Mengenai Haji Dan Umrah Karangan Syeikh Daud Abdullah al-Fatani. *Master Thesis*. Universiti Malaya.
- Nurman Kholis. (2015). Pengajaran Aqidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah Di Tatar Sunda Pada Abad XIX: Tinjauan Buku Teologi Dalam Naskhah Sunda Islami. *Jurnal Lektor Keagamaan*, 13(2), 577.
- Syahwaluddin, Noordin Abdullah Dagorha. (2017). Peran Syeikh Muhammad Zain Al-Āsyi Dalam Perkembangan Islam Di Nusantara Abad 18 Masihi. *Jurnal AL-HIKMAH*, 7(13), 114-121.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani*, 7(1), 27-37.
- W. M. Shaghir Abdullah. (2000). *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah
- W. M. Shaghir Abdullah. (2002). *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- W. M. Shaghir Abdullah. (1999). *Penyebaran Islam Dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- W. M. Shaghir Abdullah. (2007). *Syeikh Muhammad Zain al-Āsyi Generasi Ulama Aceh*. Retrieved January 13, 2018, from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive).
- W. M. Shaghir Abdullah. (2008). *Salsilah Syeikh Daud Abdullah Fathani*. Retrieved January 13, 2018, from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0128&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0128&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm). Utusan Online.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition* 8(2), 129.